

Malaysia jadi tuan rumah pertama tangani ancaman Zoonosis di ASEAN

Cegah penyakit haiwan

Oleh AZHAR AHMAD

KUALA LUMPUR - Malaysia dipilih menjadi tuan rumah kali pertama bagi penubuhan sebuah Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Kesihatan Haiwan dan Zoonosis (ACCAHZ) dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) ke-38 di Singapura semalam.

Delegasi Malaysia ke mesyuarat tersebut diketuai Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam satu kenyataan berkatá, penubuhan ACCAHZ merupakan satu pencapaian penting untuk AMAF yang menunjukkan komitmen negara ini untuk mencegah dan menangani ancaman penyakit-penyakit Zoonosis merentasi sempadan rantau ini.

"Zoonosis adalah penyakit-penyakit yang boleh berjangkit daripada haiwan kepada manusia.

"Oleh itu, kita amat ber-

besar hati kerana terpilih sebagai tuan rumah pertama untuk pusat ini dan ingin menyatakan bahawa segala persiapan yang perlu telah dilaksanakan untuk ia memulakan operasi," kata kenyataan itu di sini semalam.

Kenyataan itu berkata, isu-isu berkaitan industri pertanian dan perhutanan termasuk meneroka peluang kerjasama dan pembangunan kemahiran turut dibincangkan dalam kalangan anggota ASEAN untuk membangunkan sektor pertanian dan perhutanan serta menjamin bekalan makanan.

Tambahnya, Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN bersepakat untuk meneruskan pelaksanaan Pelan Strategik Makanan, Pertanian dan Perhutanan (SP-FAF) 2016-2025 bagi mencapai objektif untuk menjadikan ASEAN sebagai satu sumber pengekuaran yang menyumbang ke arah keselamatan makanan sedunia.

"Pelan tindakan strategik bagi kerjasama ASEAN dalam bidang terna-

kan, tanaman, perikanan, sanitari dan fitosanitari serta kerjasama ASEAN dalam koperasi pertanian bagi tempoh 2016-2020 turut dipersejui dalam mesyuarat itu," kata kenyataan itu.

Tambahnya, SP-FAF 2016-2025 telah mendapat sokongan Bank Pembangunan Asia (ADB), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Institut Penyelidikan Beras Antarabangsa (IRRI), Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), Kemudahan Piawaian dan Pembangunan Perdagangan (STDF) Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan Forum Ekonomi Dunia (WEF).

"Anggota ASEAN telah bersetuju untuk merangka pendirian bersama berkaitan isu-isu pertanian untuk dibawa ke Mesyuarat Persidangan Pihak-Pihak ke-22 (COP-22) Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) di Marrakesh, Maghribi pada November ini.



AHMAD SHABERY (enam dari kanan) bergambar bersama diplomat ASEAN di luar Mesyuarat Menteri-Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN ke-38 di Singapura yang berakhir semalam.

Kosmo
8/10/16
mis '18